

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(V)1**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR ITAM  
YB JOSEPH NG SOON SIANG**

1. Nyatakan jumlah pekerja gig di Pulau Pinang.
  - (a) Apakah perancangan Kerajaan Negeri dalam meningkatkan kemahiran mereka untuk kekal relevan dalam pasaran kerja semasa?
  - (b) Nyatakan statistik bagi golongan yang telah mendaftar serta mencarum dalam Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) PERKESO dan program advokasi untuk meningkatkan tahap kesedaran kepada mereka.

**YB JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

1. Berdasarkan statistik Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) sehingga 10 Mei 2024, bilangan Orang Bekerja Sendiri (OBS) aktif yang mencarum di bawah Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) di Negeri Pulau Pinang adalah seramai 24,604 orang. Dari pada jumlah tersebut, seramai 6,289 OBS yang terlibat dalam sektor ekonomi gig.
  - (a) Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) melalui PERKESO dan Kerajaan Negeri sentiasa merancang dan melaksanakan inisiatif bagi meningkatkan kemahiran pekerja gig ini untuk kekal relevan dalam pasaran kerja semasa. Di bawah bajet 2024, Kerajaan telah memberi tanggungjawab kepada KESUMA untuk melaksanakan beberapa inisiatif untuk meningkatkan peluang pekerjaan kepada semua pencari kerja terutama kepada pekerja gig seperti;
    - (i) Menyediakan Program Bina Kerjaya 2.0 yang merupakan program pembangunan kerjaya yang dikhususkan kepada

pekerja sektor tidak formal termasuk pekerja gig yang mempunyai tahap pendidikan sijil diploma dan ke bawah bagi meningkatkan potensi serta memperoleh peluang pekerjaan melalui pengajian dan pensijilan *microcredentials* atau profesional atau kompetensi. Program yang dijalankan menerusi Bina Kerjaya ini juga memberi tanggungan bayaran latihan sehingga RM4,000 mengikut kategori persijilan dan elaun latihan berjumlah RM30 sehari untuk tempoh maksima 20 hari. Berdasarkan statistik PERKESO, dari tempoh 1 Januari sehingga 10 Mei 2024, sebanyak 69 permohonan telah diterima melibatkan negeri Pulau Pinang. Daripada jumlah tersebut sebanyak 24 permohonan telah diluluskan;

(ii) Menyediakan Program Peningkatan Kemahiran untuk semua lantikan MySTEP di bawah platform MYFutureJobs. MYFutureJobs berperanan sebagai platform padanan pekerjaan kepada graduan yang baharu menamatkan pengajian untuk membina kerjaya masa depan dan meraih pendapatan yang lebih tinggi. Inisiatif ini akan menawarkan 50 ribu peluang pekerjaan secara kontrak dalam sektor awam dan Syarikat Berkaitan Kerajaan atau GLC bermula Januari 2024; dan

(iii) Menyediakan Pusat Penempatan dan Penerokaan Kerjaya Kebangsaan sebagai lokasi sehenti untuk pencari kerja untuk mendapatkan sokongan kerjaya dan pekerjaan dengan peruntukan sebanyak RM7.25juta.

(b) Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan oleh KESUMA melalui PERKESO bagi menggalakkan Orang Bekerja Sendiri termasuk pekerja sektor gig mencarum di bawah Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri, antaranya;

(i) Melaksanakan program advokasi untuk meningkatkan tahap kesedaran kepada mereka seperti Program Pemimpin Masyarakat, Program SERANTA dan Program Libat Urus bagi menyebarkan informasi berkenaan PERKESO termasuk Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri. Berdasarkan statistik PERKESO, sepanjang tahun 2023 sebanyak 444 program advokasi telah dilaksanakan oleh Pejabat PERKESO seluruh Negeri Pulau Pinang.

- (ii) Melaksanakan inisiatif di bawah bajet 2024 iaitu Program SPS Padanan Caruman yang merupakan insentif bayaran caruman 90% iaitu RM209.50 dibiayai oleh Kerajaan, manakala orang bekerja sendiri (OBS) hanya perlu membayar sebanyak 10% iaitu sebanyak RM23.30 sahaja daripada kadar caruman RM232.80 di bawah Pelan Caruman Kedua.
- (iii) Menjalinkan kerjasama strategik dengan Kementerian Pengangkutan (MOT) iaitu:
- Pada 13 Mac 2024, MOT telah memberi tajaan caruman penuh melalui Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) kepada individu yang bekerja sendiri sebagai pemandu teksi, kereta sewa dan bas sekolah yang melibatkan 35,000 pemandu teksi dan kereta sewa serta 15,000 mereka yang bekerja sendiri sebagai pemandu bas sekolah;
  - Pihak MOT juga telah meminda Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333) yang memandatorikan caruman Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 sebagai salah satu syarat memperbaharui lesen vokasional bagi individu tertakluk kepada definisi orang bekerja sendiri di bawah Akta 789;
  - Mengadakan sesi libat urus berterusan bersama kementerian, jabatan, agensi, badan bukan kerajaan, kerajaan negeri, dan penyedia platform seperti yang berkaitan seperti GRAB Pulau Pinang, Lalamove Pulau Pinang, Lazada Hub-Butterworth, Lazada Bayan Lepas, Lazada Macalum, Pejabat Penerangan Daerah Barat Daya, Pejabat Penerangan Daerah Seberang Perai Utara, Jabatan Pembangunan Wanita Negeri dan Sahabat-Sahabat Amanah Ikhtiar Pulau Pinang; dan
  - Mempergiatkan hebahan mengenai produk PERKESO di pelbagai saluran media cetak, media massa dan media sosial.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(V)2**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR ITAM  
YB JOSEPH NG SOON SIANG**

2. Laluan basikal sepatutnya dimanfaatkan oleh penunggang basikal, tetapi sering disalahgunakan oleh orang ramai terutamanya penunggang motosikal dan menyekat kelancaran pergerakan basikal.
  - (a) Apakah langkah yang diambil oleh PBT untuk mengatasi masalah penyalahgunaan laluan basikal?
  - (b) Sejauh manakah usaha Kerajaan Negeri dalam mendidik penunggang motosikal supaya tidak menggunakan laluan khas basikal?

**YB H'NG MOOI LYE  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

2. (a) Kerajaan Negeri sememangnya memandang serius terhadap isu laluan basikal yang sering salah guna oleh orang ramai terutamanya penunggang motosikal sehingga menyekat kelancaran pergerakan basikal. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri melalui kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah mengambil langkah-langkah seperti berikut:
  - (i) Memasang struktur halangan *steel barrier/ bollard* di setiap laluan masuk dan keluar;
  - (ii) Memasang papan tanda bagi melarang motosikal masuk ke laluan basikal;
  - (iii) Memantau laluan basikal melalui rakaman kamera litar tertutup (CCTV);

- (iv) Memberi amaran tegas melalui pembesar suara yang dipasang pada tiang CCTV kepada penunggang motosikal yang menggunakan laluan khas basikal;
  - (v) Melaksanakan rondaan secara berkala di lokasi-lokasi *hotspot*; dan
  - (vi) Menjalankan tindakan penguatkuasaan dengan mengeluarkan notis dan kompaun ke atas kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil yang berkuat kuasa.
- (b) Kerajaan Negeri telah menggunakan pelbagai platform dan kaedah dalam mendidik penunggang motosikal supaya tidak menggunakan laluan khas basikal. Antaranya adalah seperti berikut:
- (i) Menganjurkan program berbasikal bagi mendidik dan memberikan kesedaran berhubung kewujudan laluan basikal;
  - (ii) Membantu dan menyokong agensi-agensi kerajaan yang terlibat dalam mengadakan program, promosi dan tindakan penguatkuasaan; dan
  - (iii) Melancarkan kempen “Tiada Motosikal di atas Siar Kaki & Laluan Basikal” pada tahun 2019 bagi memperkuuhkan akses dan keselamatan kepada pejalan kaki dan 222 penunggang basikal serta berperanan untuk mengubah sikap masyarakat yang menyalahgunakan kemudahan laluan awam; dan
  - (iv) Meletakkan papan tanda kempen “Tiada Motosikal di atas Siar Kaki & Laluan Basikal” di kawasan-kawasan “*hotspot*” seperti di kawasan pelancongan dan tumpuan orang ramai bagi tujuan memberi peringatan kepada orang ramai; dan
  - (v) Memasang poster iklan pada bas Rapid bagi mendidik dan memberi kesedaran kepada orang ramai berhubung laluan basikal.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(V)3**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR ITAM  
YB JOSEPH NG SOON SIANG**

3. Masalah penternakan lembu tanpa lesen masih berterusan di Pulau Pinang khususnya Air Itam. Ada juga penternak lembu yang menguasai laluan basikal / taman-taman sebagai tempat ternakan, ini bukan sahaja menyebabkan penduduk tidak berminat untuk menggunakan kemudahan-kemudahan sedia ada tetapi turut mendatangkan ancaman kepada pengguna. Nyatakan penyelesaian isu yang berlarutan lama ini.

**YB FAHMI BIN ZAINOL  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

3. Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) melaksanakan tindakan pemantauan dan penguatkuasaan ke atas lembu-lembu yang menjadi gangguan kepada orang/kawasan awam di bawah undang-undang kecil masing-masing. Pihak Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) akan menangkap lembu yang berkeliaran di tempat awam dan dibawa ke Unit Veterinar, Jabatan Kesihatan Persekutuan MBPP sehingga ada pihak yang menuntut lembu tersebut. Tindakan kompaun akan dikenakan kepada pemilik lembu termasuk caj bagi tindakan menangkap lembu tersebut.

Antara penyelesaian jangka masa panjang yang akan diambil oleh MBPP adalah seperti berikut:

- (i) Menggunakan kaedah dan mekanisme yang bersesuaian untuk menangkap lembu seperti penggunaan alatan yang bersesuaian serta kemahiran menangkap;

- (ii) Meningkatkan kadar kompaun daripada RM250 kepada RM1,000 ke atas pemilik yang ingin menuntut lembu yang telah ditangkap;
- (iii) Lembu yang ditangkap buat kali kedua tidak akan dipulangkan semula dan akan dilupuskan melalui kaedah lelongan dengan mengenakan kadar semasa lembu tersebut; dan
- (iv) Menyelesaikan masalah penempatan lembu-lembu oleh penternak yang tidak mempunyai kandang.

Manakala, bagi Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang (JPVPP) pula tidak mempunyai apa-apa punca kuasa untuk melesenkan penternakan ruminan dan tidak mempunyai punca kuasa untuk meluluskan apa-apa pembinaan yang berkaitan untuk tujuan penternakan ruminan. Namun, JPVPP mempunyai beberapa perundangan iaitu Akta Binatang 1953 berkaitan kawalan penyakit, Akta Rumah Penyembelihan (Penswastaan) 1993 berkaitan dengan pelesenan rumah sembelih dan pemeriksaan daging, Akta Makanan Haiwan 2009 berkaitan dengan penggunaan, import dan eksport makanan haiwan dan Akta Kebajikan Haiwan 2015 berkaitan dengan kezaliman dan penganiayaan ke atas haiwan. Enakmen Penternakan Babi 2016 pula adalah berkaitan dengan penternakan babi dan Enakmen Perladangan Unggas 2020 adalah berkaitan dengan penternakan unggas.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(V)4**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR ITAM  
YB JOSEPH NG SOON SIANG**

4. Berdasarkan Strategi Menyeluruh *Penang2030* dalam Tema B2, setakat manakah usaha Kerajaan Negeri dalam menggalakkan golongan belia Pulau Pinang menceburi bidang keusahawan penternakan dan pertanian moden?
  - (a) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai sebarang inisiatif dari segi kursus dan insentif atau geran pemula diberikan?

**YB FAHMI BIN ZAINOL  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

4. Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang (JPVPP) sentiasa menggalakkan golongan belia Pulau Pinang untuk menceburi bidang penternakan. Hakikatnya bidang penternakan sering dijadikan sebagai aktiviti selepas berpencen atau bersara dan jarang menarik minat golongan belia untuk menceburi bidang ini.

Hal ini kerana faktor kekangan tanah bersesuaian untuk diusahakan bidang penternakan, ketidaktentuan harga bahan mentah makanan serta saingan import ternakan hidup, sokongan institusi kewangan dalam menawarkan pembiayaan kepada sektor ternakan yang terhad serta saingan peluang pekerjaan di sektor perindustrian di negeri ini yang lebih terjamin pendapatan serta lebih selesa. Penternakan melibatkan 3D (*Dirty, Dangerous & Difficult*) yang menyebabkan bidang penternakan ini sukar dan kurang menjadi pilihan kepada golongan belia. Kebanyakan golongan belia yang menceburi bidang penternakan adalah mereka yang mewarisi penternakan daripada generasi sebelumnya atau telah terdedah dengan aktiviti memelihara haiwan sejak kecil lagi.

Di JPVPP, tiada inisiatif khusus yang diwujudkan bagi golongan belia memandangkan ia lebih terbuka kepada semua peringkat mengikut situasi semasa golongan penternak dan usahawan industri asas ternakan untuk memastikan manfaat sampai kepada semua peringkat dan golongan secara adil dan saksama. Peluang khusus bagi golongan belia yang berusia 40 tahun ke bawah adalah di bawah Geran Agropreneur Muda (GAM) di bawah Kementerian Pertanian & Keterjaminan Makanan (KPKM) melalui pemberian geran sehingga RM20,000.00. Namun begitu, penyertaan daripada golongan belia bagi permohonan GAM bidang penternakan sangat rendah jika dibandingkan dengan sektor pertanian lain disebabkan faktor yang dinyatakan di atas.

Dalam usaha untuk menarik minat golongan belia untuk menyertai sektor pertanian, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang (DOA) telah menyalurkan insentif peruntukan di bawah program Pembangunan Petani Pelapis seperti berikut:

- i. Program Latihan Belia
- ii. Program Insentif Teknologi Pertanian Belia Tani
- iii. Program *Farmers Field School* (FFS)

Program-program ini berbentuk program, kursus dan latihan bagi membolehkan golongan belia melibatkan diri dalam bidang pertanian secara komersial. Pihak DOA sentiasa mengalu-alukan pendaftaran petani baru yang belum berdaftar. Pihak Jabatan sentiasa membantu petani di Negeri Pulau Pinang dari segi khidmat nasihat, latihan serta geran bagi melaksanakan projek.

- (a) Tiada insentif, kursus atau geran pemula yang khusus diwujudkan bagi golongan belia untuk menceburi bidang penternakan di bawah JPVPP ketika ini. JPVPP secara amnya memberikan bantuan dalam bentuk input penternakan seperti peralatan, binaan kandang serta peralatan di bawah Projek Pembangunan Industri Ternakan setiap tahun menggunakan peruntukan Kerajaan Negeri dan terbuka kepada semua peringkat umur dan lapisan masyarakat dengan syarat-syarat yang telah ditetapkan berdasarkan situasi semasa golongan penternak dan usahawan industri asas ternakan.

Namun begitu, pertimbangan sewajarnya diberikan terutamanya melibatkan kepatuhan syarat-syarat yang ditetapkan bagi membolehkan lebih ramai golongan belia untuk

menerima manfaat di bawah projek ini sewaktu tapisan Jawatankuasa Penilaian Bantuan dilaksanakan di peringkat JPVPP.

Selain itu, sebanyak 34% daripada penerima bantuan melalui Projek Pembangunan Industri Ternakan dan 48% peserta kursus anjuran JPVPP pada tahun 2023 terdiri daripada golongan penternak dan usahawan Industri Asas Ternakan (IATn) yang berusia 40 tahun dan ke bawah.

Manakala geran pemula yang diberikan oleh pihak DOA adalah seperti berikut:

i. **Geran Agropreneur Muda**

Program Agropreneur Muda ini diwujudkan untuk golongan muda yang berumur di antara 18 hingga 40 tahun. Ia bertujuan untuk membantu dan menggalakkan penglibatan golongan muda dalam bidang keusahawanan agro berasaskan semua aktiviti di sepanjang rantai nilai sektor pertanian seperti pengeluaran tanaman, ternakan dan perikanan serta industri makanan dan asas tani.

Jenis bantuan yang ditawarkan bagi program ini adalah Geran Agropreneur Muda (GAM) yang merupakan bantuan daripada Kerajaan kepada agropreneur muda bagi membantu mereka meminimakan kos kewangan dalam menjalankan perniagaan. Geran ini diberi dalam bentuk barang (nilai maksimum RM20,000.00 per individu) dan tidak perlu dibayar balik. Hasil dan impak pemberian geran disasarkan memberi faedah ekonomi kepada penerima geran dan perniagaan untuk jangka masa panjang.

Khidmat nasihat teknikal dan latihan secara intensif yang bersesuaian juga diberikan melalui program-program yang dilaksanakan oleh jabatan/agensi atau syarikat yang dilantik oleh Kementerian berkaitan dengan projek yang dijalankan. Program khidmat nasihat dan latihan akan diselaraskan di peringkat negeri mengikut jadual berkala yang telah diatur oleh jabatan/agensi di sepanjang tahun.

Bantuan Peluang Kedua bertujuan membantu penerima Geran Agropreneur Muda untuk meneruskan projek yang terhenti akibat dilanda bencana.

ii. **Tabung Usahawan Tani**

Bantuan pinjaman sebanyak RM6,000.00 (kepada pemohon berumur 40 tahun dan ke bawah) dan RM5,000.00 (kepada pemohon berumur 41 hingga 60 tahun). Syarat-syarat permohonan adalah pemohon menetap dan mengusaha perniagaan di Negeri Pulau Pinang, mempunyai lesen perniagaan dan Sijil Pendaftaran Syarikat (SSM), nama tidak disenarai hitam (CTOS), dan mempunyai pengalaman berasaskan industri asas tani sekurang-kurangnya satu (1) tahun.

iii. **Pembangunan Petani Pelapis**

Merupakan peruntukan Kerajaan Negeri yang disalurkan melalui DOA untuk menjayakan Pembangunan Belia Tani di Negeri Pulau Pinang.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(V)**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR ITAM  
YB JOSEPH NG SOON SIANG**

5. Nyatakan jumlah operasi yang dijalankan untuk mengatasi penambahan populasi burung gagak / burung merpati di Pulau Pinang khususnya di kawasan DUN Air Itam dari tahun 2018 hingga 2023 dan pelan tindakan Kerajaan Negeri mengatasi isu ini.

**YB H'NG MOOI LYE  
MENJAWAB BAGI PIHKAK YAB KETUA MENTERI**

5. Jumlah operasi yang dijalankan untuk mengatasi penambahan populasi burung gagak / burung merpati di kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah Operasi Gagak/Merpati di Pulau Pinang	
	Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP)	Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP)
2018	274	50
2019	418	73
2020	634	36
2021	510	58
2022	526	98
2023	716	104
Jumlah	3,078	419

Sejak tahun 2018 sehingga 2023, jumlah operasi kawalan gagak/merpati yang dijalankan di kawasan **DUN Air Itam** adalah seperti berikut:

Tahun	Bilangan operasi yang dijalankan di kawasan
	DUN Air Itam
2018	22
2019	50
2020	44
2021	28
2022	42
2023	38
<b>Jumlah</b>	<b>224</b>

Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui MBPP dan MBSP telah mengambil beberapa langkah tindakan bagi mengatasi masalah populasi burung gagak/merpati. Antara langkah-langkah yang diambil adalah seperti berikut:

#### **Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP)**

- (a) Penghapusan gagak/merpati dengan cara:
  - (i) Meracun, memerangkap dan mencangkuk sarang sepanjang tahun;
  - (ii) Operasi menembak gagak dilaksanakan dengan bantuan Kelab Menembak Pulau Pinang, lazimnya pada bulan Julai sehingga Disember setiap tahun; dan
  - (iii) Operasi kawalan/tangkapan merpati dilaksanakan sepanjang tahun;
- (b) Meletakkan papan tanda peringatan dan mengedar risalah pendidikan awam bertujuan menasihati orang ramai agar tidak memberi makanan kepada burung tersebut. Tindakan penguatkuasaan boleh diambil di bawah Seksyen 47(1)(g), Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) sekiranya terdapat mana-mana individu yang menaburkan sisa makanan di tempat awam; dan

- (c) MBPP telah melaksanakan pelbagai program secara berkala dan berterusan bagi mengurangi populasi burung gagak dan merpati di bahagian pulau. Lokaliti-lokaliti yang disasarkan meliputi kawasan pendaratan dan persinggahan utama seperti taman perumahan, kawasan komersial dan perindustrian, pesisiran pantai utara sehingga selatan dan kawasan berpokok yang sering dikunjungi oleh burung gagak dan merpati termasuk taman rekreasi dan tempat awam. Masih terdapat beberapa lokasi yang bermasalah berikutan kesulitan dalam menjalankan operasi kerana keadaan alam sekeliling yang rumit.

### **Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP)**

- (a) MBSP menggunakan **Pelan Tindakan Pencegahan dan Kawalan Kacau Ganggu Burung Gagak (PETEGAK) MBSP 2023-2030** yang merupakan pelan tindakan komprehensif, jangka panjang dan berdasarkan bukti saintifik (evidence-based) bagi mengatasi isu populasi burung gagak/merpati; dan
- (b) Pelan tindakan ini dilancarkan pada 2023 dan menerusi PETEGAK MBSP, di mana terdapat:
- (i) Dua belas (12) peneraju yang terdiri daripada pelbagai jabatan dalaman dan agensi luaran;
  - (ii) Tiga (3) mekanisme utama yang terdiri daripada penubuhan jawatankuasa pelaksana, pengaplikasian strategi berkonsepkan kawalan bersepadu (integrated) dan usaha sama penyelidikan; dan
  - (iii) Tiga puluh (30) inisiatif jangka panjang yang telah dirancang dan akan dilaksanakan dalam tempoh 10 tahun.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(V)6**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR ITAM  
YB JOSEPH NG SOON SIANG**

6. Nyatakan jumlah kutipan dan tunggakan sewa pelesen gerai di bawah MBPP dan MBSP dari tahun 2008 sehingga 2023.
  - (a) Apakah tindakan diambil PBT untuk mengutip balik isu tunggakan dan apakah tindakan yang diambil bagi pelesen yang tidak membayar?
  - (b) Sehingga kini, berapa kes yang telah diambil tindakan undang-undang?

**YB H'NG MOOI LYE  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

6. Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) hanya dapat membekalkan data dari tahun 2014 sehingga 2023 sahaja memandangkan data bagi tahun 2008 sehingga 2014 adalah dibuat secara manual dan tidak disimpan di dalam Sistem eLesen. Oleh yang demikian, perincian bagi jumlah kutipan dan tunggakan sewa gerai di bawah Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dari tahun 2014 sehingga 2023 adalah seperti berikut:

<b>Tahun</b>	<b>Jumlah Kutipan (RM)</b>	<b>Jumlah Tunggakan (RM)</b>
2014	902,679.52	839,292.58
2015	2,372,968.40	1,202,918.20
2016	2,549,887.05	1,019,496.76
2017	2,682,301.95	1,164,440.55
2018	2,255,339.65	839,191.50
2019	2,643,480.05	1,369,980.86
2020	2,086,179.65	1,129,530.30
2021	1,935,902.30	808,798.21
2022	2,628,775.20	1,098,606.31
2023	4,815,319.67	543,770.01
<b>JUMLAH KESELURUHAN (RM)</b>	<b>24,872,833.44</b>	<b>10,016,025.28</b>

Jumlah kutipan sewa gerai keseluruhan dari tahun 2014 sehingga 2023 adalah sebanyak **RM24,872,833.44** manakala jumlah tunggakan pula adalah sebanyak **RM10,016,025.28**. Berdasarkan data-data yang direkodkan ini, tahun 2023 mencatatkan jumlah kutipan yang tertinggi berbanding dengan tahun-tahun lain dan peningkatan ini dilihat agak signifikan dan jika dibandingkan dengan tahun 2022, peningkatan tersebut menghampiri satu kali ganda iaitu sebanyak 45.4 peratus lebih tinggi dari tahun 2022.

Dari segi tunggakan sewa kedai pula, tahun 2023 mencatatkan jumlah terendah berbanding tahun sebelum-sebelumnya. Jumlah tunggakan terendah ini menunjukkan bahawa MBPP sentiasa memberi perhatian yang serius dalam menyelesaikan isu tunggakan sewa kedai yang berlaku di kawasan pentadbiran MBPP.

Bagi Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), data bagi jumlah kutipan sewa gerai adalah dari tahun 2008 sehingga 2023 manakala data bagi jumlah tunggakan sewa gerai pula adalah hanya dari tahun 2014 sehingga 2023 kerana data-data di antara tahun 2008 sehingga 2013 telah dihapus kira. Oleh yang demikian, perincian bagi jumlah kutipan dan tunggakan sewa gerai di bawah:

<b>Tahun</b>	<b>Jumlah Kutipan (RM)</b>	<b>Jumlah Tunggakan (RM)</b>
2008	164,710.00	Dihapus kira
2009	328,484.00	Dihapus kira
2010	520,801.00	Dihapus kira
2011	577,474.00	Dihapus kira
2012	613,388.50	Dihapuskira
2013	624,416.15	Dihapuskira
2014	2,457,770.90	81,496.40
2015	3,814,009.22	136,116.14
2016	4,022,701.95	150,656.70
2017	4,270,781.30	148,726.90
2018	4,447,901.50	189,352.40
2019	4,406,328.30	224,771.80
2020	4,012,407.20	305,655.60
2021	3,741,289.60	259,282.00
2022	5,051,916.98	408,433.40
2023	5,667,106.38	370,726.60
<b>JUMLAH KESELURUHAN (RM)</b>	<b>44,721,486.98</b>	<b>2,275,217.94</b>

Jumlah kutipan sewa gerai keseluruhan dari tahun 2008 sehingga 2023 adalah sebanyak **RM44,721,486.98** manakala jumlah tunggakan pula adalah sebanyak **RM2,275,217.94**. Berdasarkan data-data yang direkodkan ini, tahun 2023 mencatatkan jumlah kutipan yang tertinggi dan peningkatan setiap tahun dilihat berterusan dan konsisten berbanding dengan tahun-tahun sebelumnya.

Dari segi tunggakan sewa kedai pula, terdapat peningkatan tunggakan secara berterusan tetapi tidak terlalu signifikan bermula dari tahun 2014 sehingga 2022. Walau bagaimanapun, pada tahun 2023 tunggakan sewa kedai sedikit menurun berbanding tahun 2024 tetapi masih lagi tinggi berbanding tahun 2021 dan sebelumnya. Pihak MBPP sentiasa berusaha dan komited dalam memastikan jumlah tunggakan sewa kedai ini dapat diselesaikan oleh penyewa melalui tindakan-tindakan mengikut prosedur yang telah ditetapkan.

- (a) Istilah sewa adalah bayaran yang perlu dibuat oleh penyewa kepada penyedia premis/gerai iaitu Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) melalui syarat perjanjian penyewaan yang jelas dan mengikat antara PBT dan penyewa. Tanggungjawab membayar sewa adalah termaktub dalam semua perjanjian penyewaan. Sekiranya penyewa gagal membayar sewa, sewa akan menjadi tertunggak. Pihak PBT boleh mengambil tindakan mahkamah ke atas penyewa untuk mendapatkan sewa yang patut dibayar secara amnya. Sewa hendaklah dibayar mengikut tarikh perjanjian penyewaan yang ditandatangani dan dipersetujui oleh penyewa. Tindakan yang diambil PBT untuk mengutip tunggakan sewa kedai adalah seperti berikut:
- (i) Notis peringatan/pemakluman dikeluarkan oleh PBT dua (2) kali pada setiap bulan kepada penyewa-penyewa yang mempunyai tunggakan. Penyerahan notis ini dibuat melalui sistem pesanan ringkas (SMS), e-mail atau sistem pengurusan lesen dalam talian PBT;
  - (ii) Notis peringatan/pemakluman kepada penyewa-penyewa yang mempunyai tunggakan sewa dua (2) bulan dan perlu dibayar pada bulan berikutnya bagi mengelakkan tindakan diambil oleh pihak PBT;
  - (iii) Sekiranya bayaran dijelaskan sepenuhnya oleh penyewa, tiada tindakan selanjutnya yang akan diambil oleh pihak PBT tetapi sebaliknya sekiranya tunggakan sewa tersebut tidak dijelaskan oleh penyewa; dan
  - (iv) Sekiranya penyewa masih berdegil dan tidak menjelaskan tunggakan sewa walaupun notis peringatan telah diberikan, tindakan yang boleh diambil oleh PBT adalah seperti berikut:
    - (a) Membatalkan lesen setelah mengeluarkan notis peringatan kepada penyewa yang menyewa gerai PBT;
    - (b) Membatalkan lesen dengan mendapatkan kembali milikan kosong premis atau gerai PBT yang berkenaan;
    - (c) Merampas deposit penyewa bagi menyelesaikan sebahagian daripada amaun tunggakan sewa pelesen tersebut; dan
    - (d) Tindakan undang-undang ke atas penyewa.

- (b) Sehingga kini, tiada kes tindakan undang-undang telah diambil oleh kedua-dua PBT iaitu MBPP dan MBSP. Namun begitu, terdapat tindakan yang telah diambil kepada penyewa yang gagal menjelaskan tunggakan sewa gerai iaitu membatalkan lesen penyewa, mendapatkan kembali milikan kosong premis atau gerai PBT dan merampas deposit penyewa.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(V)7**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR ITAM  
YB JOSEPH NG SOON SIANG**

7. Senaraikan lokasi dan keluasan tanah pertanian yang terbiar di setiap daerah di Pulau Pinang yang tidak diusahakan oleh penyewa.
  - (a) Apakah tindakan susulan yang boleh diambil oleh kerajaan bagi mengatasi masalah tanah pertanian yang terbiar di setiap daerah tersebut?

**YB FAHMI BIN ZAINOL  
MENJAWAB BAGI PIHKAK YAB KETUA MENTERI**

7. Tanah pertanian terbiar terdiri dari tanah darat atau tanah sawah yang berkeluasan minima 0.4 hektar ke atas sama ada bersambungan atau bertaburan yang merupakan tanah milik yang tidak diusahakan selama tiga (3) tahun berturut-turut. Penentuan lot tanah pertanian terbiar dibuat oleh Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang (DOA) mengikut kaedah *spatial* berdasarkan padanan data guna tanah dengan peta kadaster. Maklumat yang diperolehi seterusnya akan diverifikasi di peringkat lapangan bagi mengesahkan lot tanah pertanian tersebut.

Lokasi dan keluasan tanah pertanian yang terbiar di setiap daerah di Negeri Pulau Pinang yang tidak diusahakan oleh penyewa adalah seperti berikut:

<b>Bil.</b>	<b>Daerah</b>	<b>Keluasan (hektar)</b>
1.	Seberang Perai Utara	111.44
2.	Seberang Perai Tengah	454.00
3.	Seberang Perai Selatan	468.81
4.	Barat Daya	561.49
5.	Timur Laut	1,250.00
<b>Jumlah</b>		<b>2,845.74</b>

(a) Sekiranya tanah pertanian yang terbiar ini adalah milik Kerajaan Negeri, maka jabatan yang berkaitan seperti DOA dan Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) di setiap daerah boleh mengemukakan cadangan untuk mengaktifkan semula kawasan pertanian ini kepada Kerajaan Negeri. Sekiranya tanah-tanah pertanian yang terbiar ini adalah milik persendirian, jabatan/agensi berkaitan boleh berbincang dengan pemilik tanah untuk membangunkan projek pertanian selaras dengan dasar-dasar dan insentif yang disediakan oleh Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan.

Selain itu, DOA telah mewujudkan *Task Force* di peringkat daerah bagi menyediakan pangkalan data tanah-tanah terbiar, mengenal pasti punca dan faktor, menyediakan ulasan teknikal dan mengemukakan pelan tindakan bagi pemulihan tanah terbiar. Maklumat tanah terbiar adalah dinamik dan sentiasa berubah-ubah dari semasa ke semasa berdasarkan pertambahan kawasan tanah terbiar baharu yang memenuhi definisi tanah terbiar dan pengurangan kawasan tanah terbiar dengan pelaksanaan projek pembangunan.

Mana-mana tanah milik berstatus pertanian yang terbiar, Pentadbir Tanah boleh membuat semakan terhadap status pembayaran cukai tanah. Sekiranya terdapat tunggakan pembayaran cukai tanah, tindakan penguatkuasaan dan pelucuthakan ke atas tanah tersebut boleh diambil di bawah Seksyen 97 dan Seksyen 100 Kanun Tanah Negara [Akta 828].

Seksyen 97 merujuk kepada notis tuntutan sewa/cukai tanah yang akan dikeluarkan kepada pemilik lot sebagai makluman untuk menjelaskan cukai tanah manakala Seksyen 100 pula merujuk kepada tindakan pelucuthakan dan tanah tersebut akan diisyihar dilucuthak kepada Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dan menjadi tanah milik Kerajaan. PBN selanjutnya boleh melupuskan semula tanah

tersebut kepada mana-mana pihak yang difikirkan wajar untuk memastikan tanah tersebut diusahakan.

Walau bagaimanapun, jika tuan tanah masih menjelaskan cukai maka tiada sebarang tindakan boleh diambil ke atas lot berkenaan. Tanah pertanian terbiar boleh diambil tindakan jika wujud pelanggaran syarat yang dinyatakan dalam syarat nyata sepertimana dalam peruntukan Akta 828. Manakala bagi tanah-tanah yang diluluskan Lesen Pendudukan Sementara (LPS) sekiranya tanah tersebut tidak diusahakan dan terbiar, PDT tidak akan memperbaharui lesen dan membatalkan (LPS) bagi penyewa yang berkenaan bagi tujuan pertanian.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(V)8**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR ITAM  
YB JOSEPH NG SOON SIANG**

8. Meskipun wabak COVID-19 masih belum reda sungguhpun terkawal, penularan penyakit kusta dan cacar monyet (monkeypox) pula dilihat agak membimbangkan. Apakah statistik terkini jangkitan penyakit tersebut?
  - (a) Apakah langkah-langkah berkesan yang diambil untuk mengawalnya dari merebak?

**YB GOOI ZI SEN  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

8. Tiada kes penyakit kusta dilaporkan bagi tahun 2024.

Bermula pertengahan tahun 2022 Penyakit Mpox (dahulu dikenali sebagai Monkeypox) telah dilaporkan secara global. Sejak 1 Mei 2022 sehingga 27 April 2024, sebanyak empat (4) kes disyaki jangkitan Mpox telah dilaporkan di negeri Pulau Pinang. Namun begitu, kesemua kes tersebut telah disahkan negatif melalui ujian pengesahan.

- (a) Langkah-langkah berkesan yang diambil untuk mengawal penyakit kusta dan Mpox dari merebak adalah seperti berikut:

(i) Penyakit kusta

1) Diagnosa awal dan rawatan

Diagnosis awal dan rawatan sempurna dapat mengawal penyakit kusta. Semua pegawai perubatan dimaklumkan melalui kursus yang

diadakan secara berkala untuk merawat dan memantau pesakit dengan aduan panau yang berulang.

2) Saringan kontak

Mereka yang mempunyai pertalian dengan pesakit kusta dikehendaki menjalani ujian pengesanan kusta.

3) *Single Dose Rifampicin Post Exposure Prophylaxis (SDR-PEP)*

SDR-PEP adalah ubat profilaksis yang diberikan kepada kontak rapat isi rumah pesakit kusta dengan harapan untuk mengelakkan jangkitan di kalangan kontak rapat.

(ii) Mpox

Mpox adalah sejenis jangkitan disebabkan oleh virus Mpox. Jangkitan berlaku melalui sentuhan rapat dengan individu yang mempunyai gejala dan tanda jangkitan Mpox.

Langkah-langkah berkesan yang dapat diambil untuk mengawal penyakit ini dari merebak adalah melalui aktiviti-aktiviti promosi kesihatan di semua peringkat yang telah dilakukan untuk meningkatkan kesedaran anggota kesihatan dan masyarakat umum mengenai langkah-langkah pencegahan, pengesanan dan rawatan penyakit Mpox.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(V)9**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR ITAM  
YB JOSEPH NG SOON SIANG**

9. Senaraikan penggunaan elektrik tahunan di Pulau Pinang mengikut daerah bermula dari tahun 2018 hingga 2023.
  - (a) Memandangkan penggunaan tenaga solar boleh mengurangkan penggunaan tenaga elektrik konvensional dan dalam masa yang sama boleh menjimatkan kos, apakah strategi serta pelan Kerajaan Negeri dan TNB bagi menggalakkan penggunaan tenaga solar?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

9. Tenaga Nasional Berhad (TNB) tiada data kadar penggunaan elektrik mengikut daerah. Kadar penggunaan elektrik tahunan bagi keseluruhan negeri Pulau Pinang dari tahun 2018 hingga tahun 2023 adalah seperti di JADUAL 1.

**JADUAL 1: KADAR PENGGUNAAN ELEKTRIK NEGERI PULAU PINANG (2018-2023)**

TAHUN	KADAR PENGGUNAN (kWj)
2018	11,862,019,041
2019	11,922,043,587
2020	11,179,263,804
2021	11,542,006,916
2022	12,316,619,745
2023	12,674,706,714

- (a) Kerajaan Negeri dan TNB amat menggalakkan pemasangan panel solar terutamanya dari jenis yang dipasang di atas struktur (rooftop) kepada semua pengguna domestik, komersial, industri dan kerajaan di Pulau Pinang. Ini adalah selaras dengan *National Energy Transition Roadmap* (NETR) dalam usaha untuk menjaga alam sekitar dan mengurangkan perlepasan karbon.

Pengguna yang memasang sistem solar juga berpeluang menikmati lebih penjimatan bil elektrik dengan menggunakan skim *Net Energy Metering* (NEM) yang mana lebihan tenaga yang dijana akan dieksport ke grid TNB. Bil TNB pengguna tersebut yang seterusnya boleh ditolak dari jumlah tenaga yang dieksport kembali ke grid. Walau bagaimanapun, kelayakan skim NEM tertakluk kepada jumlah kuota yang tersedia. NEM terbahagi kepada tiga iaitu:

- (i) NEM Rakyat untuk pengguna Domestik;
- (ii) NEM Nova untuk pengguna Komersial dan Industri; dan
- (iii) NEM Gomen untuk premis Kerajaan.

Untuk menggalakkan pemasangan panel solar ini, TNB turut menawarkan skim (SPPA) *Solar Power Purchase Agreement* kepada pengguna Komersial, Industri dan Kerajaan di mana pengguna tidak perlu mengeluarkan modal awal untuk pemasangan panel solar.

Untuk pengguna Domestik pula, Kerajaan Persekutuan telah melancarkan skim *Solar For Rakyat Incentive Scheme* (SolaRIS). Skim ini menawarkan rebat RM1,000/kWac sehingga maksimum RM4,000 kepada pengguna baharu Program NEM Rakyat yang mengemukakan permohonan kepada Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (SEDA) Malaysia pada dan selepas 1 April 2024.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(V)10**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR ITAM  
YB JOSEPH NG SOON SIANG**

10. Jelaskan mengenai kutipan fi di hotel yang dilaksanakan semula mulai 1 haribulan Julai tahun 2022.
  - (a) Mengikut nama dan jenis hotel.
  - (b) Bagaimakah hasil kutipan fi hotel yang dikatakan bermanfaat kepada program mempromosikan sektor pelancongan negeri?

**YB WONG HON WAI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

10. Fi hotel diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk membiayai program-program pembangunan dan promosi pelancongan di Pulau Pinang. Setiap hotel di negeri ini perlu membuat kutipan fi hotel yang ditetapkan mengikut taraf bintang hotel daripada pelancong. Kadar fi hotel yang telah ditetapkan adalah seperti berikut :
  - (i) 3 bintang dan ke bawah – RM 2.00 / malam / bilik
  - (ii) 4 bintang ke atas – RM 3.00 / malam / bilik
  - (a) Senarai hotel yang membuat kutipan fi hotel adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
  - (b) Fi hotel diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk membiayai program-program pembangunan dan promosi pelancongan di Pulau Pinang.

Melalui hasil kutipan fi hotel tersebut, Kerajaan Negeri dapat menambah baik infrastruktur pelancongan Pulau Pinang serta menjalankan program-program yang dapat menarik lebih ramai pelancong ke negeri ini. Pelaksanaan ini secara tidak langsung akan memberi kesan berganda kepada ekonomi dan pendapatan penduduk Pulau Pinang melalui faktor pelancongan, makanan dan perkhidmatan.

Hasil kutipan fi hotel telah dimanfaatkan untuk program-program mempromosikan sektor pelancongan negeri seperti berikut:

<b>Tahun</b>	<b>Senarai Program</b>
<b>2022</b>	Projek Penang International Food Festival (PIFF) 2022
	Pogram ITB Asia Singapura 2022
	Miss Asia Global World Final
<b>2023</b>	Projek Penang International Food Festival 2023 (PIFF)

## SENARAI HOTEL TAHUN 2024

BIL	ALAMAT PREMIS	NAMA HOTEL
1	35-F JALAN MASJID KAPITAN KELING	BROADWAY BUDGET HOTEL
2	80A & 82 LOVE LANE	PIN SENG HOTEL
3	48 LEBUH GEREJA	ENG LOH HOTEL
4	273-B LEBUH CHULIA	HOTEL HONG PING
5	509 LEBUH CHULIA	EASTERN HOTEL
6	511 LEBUH CHULIA	HANG CHOW HOTEL
7	7 JALAN PENANG	HOTEL MALAYSIA (MICADO SDN BHD)
8	50-A JALAN PENANG	PEKING HOTEL
9	66 JALAN PENANG	CITITEL PENANG (CAHAYA UTARA SDN BHD)
10	68-A & 70 JALAN PENANG	TOWNE HOUSE HOTEL
11	105 JALAN PENANG	ORIENTAL HOTEL SDN BHD (HISAKO & YOKO)
12	2 JALAN PINTAL TALI	ORANGE MOTEL & CAFE
13	13 LEBUH LEITH	WALDORF HOTEL
14	179-C LEBUH MUNTRI	MODERN HOTEL
15	10 LEBUH FARQUHAR	E&O HOTEL
16	40-50 JALAN HUTTON	HOTEL PENAGA
17	139 LEBUH CARNARVON	ARMENIAN ST. HERITAGE HOTEL
18	15,17,19 LEBUH CINTRA	NAM KENG HOTEL
19	105 LEBUH MELAYU	SINKEH
20	135 JALAN MACALISTER	SOUTHERN TWIN MANAGEMENT SDN BHD- G INN
21	211 & 211-B JALAN MACALISTER	YMCA INTERNATIONAL HOSTEL

BIL	ALAMAT PREMIS	NAMA HOTEL
22	227 JALAN BURMA	1926 HERITAGE HOTEL
23	124 LORONG HUTTON	NAM SENG HOTEL
24	164 JALAN ARGYLL	HOTEL MINGOOD
25	6 JALAN TRANSFER	HOTEL REGAL MALAYSIA
26	90 & 92 JALAN TRANSFER	INTERNATIONAL HOTEL
27	168-A PERSIARAN GURNEY	G HOTEL
28	2 JALAN IRVING	PARIS HOTEL
29	3 JALAN LARUT	HOTEL ROYAL PENANG
30	12 LORONG KINTA	HOTEL SENTRAL GEORGE TOWN
31	16 & 18 KAMPONG DELI	SOO CHOW HOTEL
32	33 LORONG BARU	SUNWAY BIZ HOTEL SDN BHD
33	48-F JALAN SULTAN AHMAD SHAH	PARAMOUNT HOTEL PENANG
34	55 JALAN SULTAN AHMAD SHAH	HOTEL NORTHAM
35	62-74 & 78 JALAN A.S.MANSOR	MUSEUM HOTEL
36	70 JALAN DATUK KRAMAT	HOCK AUN HOTEL
37	81 LEBUH TYE SIN	SUPER EIGHT HOTELS (M) SDN BHD
38	523 JALAN TANJUNG BUNGAH	COPTHORNE ORCHID PENANG
39	527 JALAN TANJUNG BUNGAH	(CHAMPSURF SDN BHD) RAINBOW PARADISE BEACH RESORT
40	550-G JALAN TANJUNG BUNGAH	NEW HOPE INN
41	66 JALAN BATU FERRINGHI	D'FERRINGHI HAUS HOTEL & RESTAURANT
42	72 JALAN BATU FERRINGHI	HOLIDAY INN RESORT PENANG (GARDEN WING)
43	JALAN BATU FERRINGHI	PRESIDENT HOTEL SDN BHD (PARKROYAL PENANG)
44	JALAN BATU FERRINGHI	PALMCO HOTEL SDN BHD (HARD ROCK PENANG)

BIL	ALAMAT PREMIS	NAMA HOTEL
45	17 LORONG SUNGAI EMAS B. FERRINGHI	ALIA EXPRESS FERRINGHI
46	1 JALAN BUKIT JAMBUL	HOTEL EQUATORIAL
47	7 JALAN MAYANG PASIR 2 BAYAN BARU	HOTEL SERI MALAYSIA
48	19 MEDAN KAMPUNG RELAU	ALORA HOTEL
49	213 JALAN BUKIT GAMBIR	VISTANA PENANG
50	12 JALAN BURMA	LE EMBASSY HOTEL
51	351 JALAN GELUGOR	ANGGERIK LODGING
52	188 JALAN BATU FERRINGHI	SRI SAYANG RESORT SERVICE APARTMENT
53	183 JALAN MAGAZINE	THE WEMBLEY
54	123 JALAN NOORDIN	CITITEL EXPRESS
55	76 JALAN MAHSURI	OLIVE TREE HOTEL
56	28 JALAN TELUK KUMBAR	LEXIS SUITE
57	177 JALAN MACALISTER	ONE PACIFIC HOTEL SDN BHD
58	2-G-2 SOLOK MAYANG PASIR	SUPER EIGHT HOTELS (BAYAN BARU)
59	171 JALAN C.Y CHOY	T+ HOTEL
60	133 JALAN MASJID KAPITAN KELING	THE BOUTIQUE RESIDENCE HOTEL
61	35 LOVE LANE	WAN HAI HOTEL
62	1 & 1-A LEBUH PENANG	MERLIN HOTEL
63	302 LEBUH CHULIA	OLIVE SPRING HOTEL
64	348 LEBUH CHULIA	TIEN HOTEL SDN BHD (SKY HOTEL)
65	422 LEBUH CHULIA	BANANA HOTEL
66	39 JALAN PENANG	FEDERAL HOTEL
67	72 JALAN PENANG	WHITE HOUSE HOTEL

BIL	ALAMAT PREMIS	NAMA HOTEL
68	465 JALAN PENANG	AI GOH HOTEL
69	1 JALAN PINTAL TALI	ORANGE CAFÉ & LODGE
70	94 JALAN PINTAL TALI	THYE AUN HOTEL
71	110 JALAN PINTAL TALI	NEW ASIA HERITAGE HOTEL
72	86 LEBUH CAMPBELL	KIM SUN HOTEL (ATTIC HOTEL)
73	108 LEBUH MUNTRI	LUM FONG HOTEL
74	32 LORONG HUTTON	TOISHAN NINGYANG WUI KWON
75	69 JALAN TRANSFER	DARUSSALAM MOTEL
76	224 JALAN DR LIM CHWEE LEONG	BAN AUN HOTEL
77	246 LEBUH CARNARVON	STAR HOTEL
78	130 JALAN MACALISTER	HOTEL JOO SEANG
79	194-A JALAN MACALISTER	HOTEL LAY HONG
80	228 JALAN MACALISTER	MACALISTER MANSION
81	151 JALAN BURMA	HOTEL TONG LOK
82	111 LORONG HUTTON	HONG AUN HOTEL
83	163 JALAN ARGYLL	SIN TONG AH HOTEL
84	406 JALAN PENANG	HOTEL FORTUNA
85	495-H&I JALAN PENANG	HOTEL SINGAPORE
86	128 JALAN SEANG TEIK	KIN TOO HOTEL
87	215 JALAN MACALISTER	HOTEL BELLEVUE SDN BHD
88	6 JALAN TANJUNG TOKONG	CHUSAN HOTEL
89	516-G JALAN HASHIM TG TOKONG	MOTEL SRI PANTAI
90	56 JALAN LOW YAT BATU FERRINGHI	Pinnacle Nexus SDN BHD

BIL	ALAMAT PREMIS	NAMA HOTEL
91	70 JALAN BATU FERRINGHI	HOLIDAY INN HOTEL
92	1 PULAU JERJAK MK 13 DTL	JEREJAK ISLAND RESORT
93	38 JALAN LARUT	GEORGETOWN HOTEL
94	26 JALAN PERLIS	MUNLUSTAY 88 (MSY 88 HOTEL MANAGEMENT SDN BHD)
95	82-A/B-C LEBUH PENANG	REN TANG HERITAGE INN
96	18 LORONG KINTA	HELICONIA HOTEL
97	52 JALAN RANGOON	SUMMER TREE HOTEL
98	27,29 & 31 JALAN KELANTAN	KELANTAN HOUSE (IDEAS NURTURE SDN BHD)
99	57-G-3 MANSION ONE, JALAN SULTAN AHMAD SHAH	VOUK HOTEL SUITES
100	136 JALAN GURDWARA	TAI FOONG REALTY SDN BHD (IFI BOUTIQUE HOTEL)
101	2 LEBUH PEKING	BTQ HOSPITALITY & TRAVEL SERVICES
102	5,7,9,11,13,15,19,21,23,25,27 JALAN KHOO SIAN EWE	ARECA HOTEL SDN BHD
103	495 H & I JALAN PENANG	WASSUP YOUTH HOSTEL
104	128 - 128G JALAN TRANSFER	HUTTON CENTRAL II HOTEL (WORLD CLASS LAND)
105	191 M SUMMIT, JALAN MAGAZINE	M SUMMIT 191 EXECUTIVE HOTEL SUITES
106	533 JALAN C M HASHIM, TG TOKONG	HOMPTON DEVELOPMENT (M) SDN BHD
107	168 BUKIT PENARA, MKM 6, BALIK PULAU	MALIHOM PRIVATE ESTATE
108	78 LEBUH CAMPBELL	KOONING SDN BHD
109	4475 JALAN KAMPUNG BENGGALI, BAGAN LUAR, BUTTERWORTH	HOTEL APOLLO
110	4425 JALAN BAGAN LUAR, 12000 BUTTERWORTH	HOTEL AMBASSADRESS
111	4907, KAMPUNG BENGGALI, BUTTERWORTH	MARINA ORIENTAL HOTEL
112	4989 JALAN KAMPUNG BENGGALI, 12200 BUTTERWORTH	ORIENTAL HOTEL
113	LORONG CEMPA (OFF JALAN TELAGA AIR), 12200 BUTTERWORTH	GRAND DE' GARDEN HOTEL SDN BHD

BIL	ALAMAT PREMIS	NAMA HOTEL
114	59A, BLOCK A, JALAN RAJA UDA, PUSAT PERNIAGAAN RAJA UDA, WOOLLEY AVENUE	JJ MEGA ENTERPRISE
115	1 LORONG JERMAL INDAH, TAMAN JERMAL INDAH, 12300 BUTTERWORTH	SANTUBONG JAYA SDN BHD
116	6606, JALAN TELAGA AIR, 12200 BUTTERWORTH	AIKKA HOTEL
117	NO. 11 BUTTERWORTH BUSINESS CITY CENTRE, JALAN RAJA UDA,	AROMA BUSINESS HOTEL SDN. BHD
118	2 JLN USAHAWAN 5, PUSAT PERNIAGAAN DATO' KAILAN, KEPALA BATAS	RANGKAIAN HOTEL SERI MALAYSIA SDN. BHD
119	4805 JALAN CHAIN FERRY, BW	WAH TOH HOTEL
120	2148 JALAN BERTAM, 13200 KEPALA BATAS	SPM RAFIKALI MOTEL ENTERPRISE
121	5017 , JALAN BAGAN LUAR, BUTTERWORTH	GRAND BAGAN HOTEL SDN.BHD.
122	4476, 4477, 4478 JALAN BAGAN LUAR, 12000 BUTTERWORTH	TANDOP HOTEL SDN BHD
123	4992 & 4993 JALAN NEW FERRY, BUTTERWORTH.	SE TWO HOTEL SDN. BHD.
124	NO 2 LORONG KAMPUNG JAWA OFF JALAN BAGAN, BUTTERWORTH	BUMARI MANAGEMENT SDN. BHD.
125	2200 JLN BERTAM, 13200 KEPALA BATAS	MARITIME WATERFRONT SUITES SDN BHD
126	1 JLN DAGANGAN 9, PUSAT BANDAR BERTAM PERDANA, 13200 KEPALA BATAS ,13200, KEPALA BATAS, PULAU PINANG	BLUE EYES INN
127	1 JLN DAGANGAN 5,PUSAT BANDAR BERTAM PERDANA,13200 KEPALA BATAS	BLUE EYES INN
128	49 & 51 JALAN DAGANGAN 10,PUSAT BANDAR BERTAM PERDANA,13200 KEPALA BATAS	JANNAH IZAN ENTERPRISE
129	NO. 17 JALAN SINAR, KAMPUNG GAJAH	ZING MOTEL
130	4191, TINGKAT 1, JALAN KAMPUNG BENGGALI,	GOLDEN METRO ENTERPRISE
131	39 JLN SELAT, TMN SELAT, 12000 BUTTERWORTH ,12000, BUTTERWORTH, PULAU PINANG	BEE HIN GUEST HOUSE
132	TING 2, 5502 JLN RAJA UDA, BUTTERWORTH, 12300 BUTTERWORTH ,12300, BUTTERWORTH	HOTEL KIM LEONG
133	NO.2 JALAN DAGANGAN 10, PUSAT BANDAR BERTAM PERDANA, KEPALA BATAS	HOTEL KAMELIA
134	LOT 2395, MK.06, TASEK GELUGOR, SEBERANG PERAI UTARA	BERTAM COTTAGE PENANG EMPIRE
135	LOT 1462, TAMAN HERBA BERTAM, JALAN TUN HAMIDAN SHEIKH TAHIR, 13200 KEPALA BATAS	RUMAH TAMUTAMAN HERBA
136	3096 JALAN BARU, BANDAR PERAI JAYA, PERAI ,13600, PERAI, PULAU PINANG	IXORA HOTEL SDN BHD

BIL	ALAMAT PREMIS	NAMA HOTEL
137	1&3 LORONG KELASAH 2, TAMAN KELASAH, SEBERANG JAYA, PERAI.	RISING SUN DYNASTY SDN BHD
138	1, LEBUH TENGGIRI DUA, PUSAT BANDAR SEBERANG JAYA PERAI	SUNWAY HOTEL ( SEBERANG JAYA ) SDN. BHD.
139	2933, JALAN BARU SEBERANG PERAI, 13700 PERAI.	GANTHAVEE PROPERTIES MANAGEMENT SDN BHD
140	2815 JALAN CHAIN FERRY, TAMAN INDERAWASIH, 13600 PERAI	HOTEL INDERAWASIH
141	2751-1 JALAN CHAIN FERRY, TAMAN INDERAWASIH	HOTEL PRAI
142	2791 JALAN CHAIN FERRY, TAMAN INDERAWASIH 13600 PRAI	HOTEL PRAI JAYA
143	42 JALAN TODAK 4, SEBERANG JAYA, 13700 PRAI	SAS SDN BHD(
144	1639 & 1640, JLN PERUSAHAAN BUKIT TENGAH, TAMAN PELANGI, B.M	GOLDEN NASMIR HOTEL SDN BHD
145	655 JALAN BESAR JURU, TAMAN MENGKUDU, 14100 SIMPANG AMPAT	JURU HOTEL
146	554, JALAN SUNGAI RAMBAI, 14000 BUKIT MERTAJAM	SRI INDAR MANAGEMENT & BUILDER SDN. BHD.
147	23 JALAN TODAK 5, SEBERANG JAYA, 13700 PERAI	CCBC VENTURE SDN. BHD.
148	2 LORONG SERI JAYA, TAMAN SERI JAYA BUKIT MERTAJAM	HARVEST GOLDEN WORLD SDN. BHD.
149	2178 JALAN BUKIT MINYAK, KAW PERNIAGAAN ASAS MURNI B.M	LUSCIOUS HOTEL
150	11A, MEDAN LIMAU MANIS, PUSAT PERNIAGAAN LIMAU MANIS B. MERTAJAM	PICE HOTEL
151	1276 JALAN BARU,TAMAN EMAS,PERAI	SE HOTEL
152	LOT 3862, LEBUH TENGGIRI 2, BANDAR SEBERANG JAYA, 13700 PERAI	THE LIGHT HOTEL (M) SDN BHD
153	93, 95, 97 JALAN TODAK 6, PUSAT KOMERSIAL SUNWAY PERDANA,13700 PERAI	THE BLANKET HOTEL SDN BHD
154	NO. 18, 20, 22, & 24, JLN. BKT. MINYAK, TMN. BKT. MINYAK	STARWAY HOTEL
155	40,42,44 LORONG PERDA SELATAN 1, 14000 BANDAR PERDA, BUKIT MERTAJAM	SAS SDN. BHD (E-RED PERDA)
156	11A, JLN PERNIAGAAN PERDA BARAT KAW. PERNIAGAAN PERDA BARAT, 14000 BUKIT MERTAJAM	BG HOTEL MANAGEMENT SDN BHD
157	71 JALAN ICON CITY, ICON CITY 14000 BUKIT MERTAJAM	LUCKY 888 SDN BHD (ICONIC HOTEL)
158	41 JALAN ICON CITY, ICON CITY, 14000 BUKIT MERTAJAM	MODE INN SDN BHD
159	2638 JALAN MAJU,PUSAT PERNIAGAAN MAJU JAYA,14000 BUKIT MERTAJAM	U DESIGN HOTEL SDN BHD (SUPER MEGALINK SDN BHD)

BIL	ALAMAT PREMIS	NAMA HOTEL
160	8 & 10 JALAN PERDA BARAT, BANDAR PERDA, 14000 BUKIT MERTAJAM	(LOH HOAY KIM & SONS SDN. BHD.
161	3406 JALAN MACHANG BUBOK 2, 14000 BUKIT MERTAJAM	GLOMEX RESORT SDN BHD
162	NO. 3079 JALAN LAGUNA 1, 13700 PERAI PENANG	ISLAND LANDCAP HOSPITALITY SDN BHD
163	G-32 LORONG SERI ALMA, PUSAT PERNIAGAAN SERI ALMA, 14000 BUKIT MERTAJAM	E-RED HOTEL SDN. BHD.
164	NO. 22A, JALAN BAYU MUTIARA, TAMAN BAYU MUTIARA, 14000 BUKIT MERTAJAM, PULAU PINANG.	E-RED HOTEL SDN BHD
165	31 LORONG SERI IMPIAN 2, TAMAN SERI IMPIAN, 14000 BUKIT MERTAJAM	HOTEL CHARITON (ALMA) SDN BHD
166	9, 11, JALAN DELIMA JATI, PUSAT PERNIAGAAN DELIMA JATI, 14100 SIMPANG AMPAT	SEVEN HOTEL
167	14 LORONG IMPIAN RIA 3, TAMAN IMPIAN RIA, 14000 BUKIT MERTAJAM	U PLUS BUDGET HOTEL
168	1624 & 1625 JALAN PERUSAHAAN, 13600 PERAI	DIAMOND INN
169	1 LEBUH KURAU 5, TAMAN CHAI LENG, PERAI	D COZY HOTEL
170	NO G-01 MENARA CENTRAL, JALAN JURU CENTRAL, BUKIT MERTAJAM	EXO MANAGEMENT SDN BHD
171	33 JALAN JURU SENTREAL, JURU SENTRAL , BUKIT MERTAJAM	EXO AVENUE SDN BHD
172	28 TINGKAT TALANG 1, TAMAN EMAS, 13700 PERAI	
173	1279 JALAN BARU,TAMAN EMAS,PERAI	SE THREE HOTEL
174	53, LORONG SETIA SENTRAL 1, PUSAT PERNIAGAAN SENTRAL, 14000 BUKIT MERTAJAM, PULAU PINANG	OCEAN MIX SDN BHD
175	3,3, JLN DESA PAUH ,13500, PERMATANG PAUH, PULAU PINANG	ALZUA RESOURCES
176	1325, JALAN RODZAN CHEROK TOKUN BAWAH, 14000 BUKIT MERTAJAM	POON SOON GREEN PARK SDN. BHD.
177	4,6,8,10,12,LRG KG BARU 1, ,14000, BUKIT MERTAJAM, PULAU PINANG	SUNSHINE MOTEL
178	5, 7, 9, 11, 11A SOLOK BETEK 1, TMN SRI JAYA, 14000 BUKIT MERTAJAM ,14000, BUKIT MERTAJAM	QATTA HOLDING SDN BHD
179	24 JLN TODAK 2, SEBERANG JAYA, 13700 PERAI ,13700, PERAI, PULAU PINANG	MASSON ORIENTAL SDN. BHD.
180	JLN TEMBIKAI,TMN PADANG LALLANG	28 GRED HOTEL
181	15 LRG PAUH JAYA 1/2, TMN PAUH JAYA, 13700 PERAI ,13700, PERAI, PULAU PINANG	HOTEL SERI PAUH
182	32-02, Menara Sentral, Jalan Juru Sentral ,14000, BUKIT MERTAJAM, PULAU PINANG	ZENSTAY SDN BHD

<b>BIL</b>	<b>ALAMAT PREMIS</b>	<b>NAMA HOTEL</b>
183	PARCEL NO. 408, VERVEA, ASPEN VISION CITY, 14100 LEBUHRAYA BANDAR CASSIA	UPPER HOUSE HOTELS SDN.BHD.
184	1711, 1712, 1713, JLN. BESAR TAMAN SIMPANG AMPAT, 14100 SIMPANG AMPAT.	RUMAH TUMPANGAN JV
185	11A, JALAN PEKAKA 2, TAMAN PEKAKA,14300 NIBONG TEBAL	GOLDEN ACE HOTEL
186	NO 65 LORONG 1/SS1, BANDAR TASEK MUTIARA, 14120 SIMPANG AMPAT	JV HOTEL
187	LOT 570 MUKIM 7, KAMPUNG BESAR, NIBONG TEBAL ,14300, NIBONG TEBAL, PULAU PINANG	RUMAH REHAT AWANA
188	42 LORONG TAMBUN PERMAI 1, PUSAT PERNIAGAAN TAMBUN PERMAI, 14100 SIMPANG AMPAT	GALAXY STAR HOTEL SDN. BHD.
189	NO. 2, JALAN PERNIAGAAN SERI TAMBUN, PUSAT PERNIAGAAN SERI TAMBUN, 14100 SEBERANG PERAI SELATAN	GOOD MEMORY SDN BHD
190	31 JALAN BUKIT TAMBUN, TAMAN TAMBUN INDAH, 14100 SIMPANG AMPAT	FOUR SQUARE REALTY SDN BHD
191	33, 35 & 37 LRG TAMBUN INDAH 11, TMN TAMBUN INDAH, 14100 SIMPANG AMPAT	A ONE HOTEL
192	57, JALAN ICONICPOINT, ICONIC POINT, 14100 SIMPANG AMPAT	GLOBAL VISUAL SDN BHD(TOP KEY MANAGEMENT)
193	922, Jalan Cendana, Taman Cendana Indah ,14100, SIMPANG AMPAT, PULAU PINANG	MILAN STREAMS SDN BHD
194	921, Jalan Cendana, Taman Cendana Indah ,14100, SIMPANG AMPAT, PULAU PINANG	MILAN STREAMS SDN BHD
195	47,LRG KERAMAT PERMAI 1,TMN KERAMAT PERMAI ,14300, NIBONG TEBAL, PULAU PINANG	RED MOTEL

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(V)11**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR ITAM  
YB JOSEPH NG SOON SIANG**

11. Berapakah jumlah kanak-kanak yang tidak terkawal (beyond parental control) atau nakal yang berada di bawah institusi pemulihan akhlak JKM contohnya Sekolah Tunas Bakti?
  - (a) Adakah Kerajaan Negeri merancang untuk menubuhkan institusi pemulihan akhlak JKM di Pulau Pinang memandangkan hanya satu institusi seperti ini di kawasan Teluk Air Tawar, Butterworth?

**YB LIM SIEW KHIM  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

11. Kes kanak-kanak tidak terkawal di bawah Seksyen 46 Akta Kanak-kanak 2001 yang diperintahkan menjalani penahanan di Asrama Akhlak Paya Terubong adalah sebanyak 6 kes. Asrama akhlak adalah institusi yang ditubuhkan dibawah Seksyen 61(1) Akta Kanak-kanak 2001 yang menempatkan kes-kes reman dan pemulihan bagi kanak-kanak yang terlibat dengan jenayah dan kanak-kanak yang tidak terkawal. Jelas bahawa objektif penubuhan asrama akhlak ini adalah untuk memberi pemulihan dan jagaan kepada kanak-kanak yang direman, dalam pemindahan ke Sekolah Tunas Bakti dan mereka yang berada dalam perintah Cubaan Akhlak.

Manakala Sekolah Tunas Bakti Teluk Air Tawar tidak mempunyai sebarang kes yang berkaitan kanak-kanak tidak terkawal sebaliknya menempatkan kanak-kanak terlibat dengan kesalahan jenayah. Sekolah Tunas Bakti ini pula adalah institusi pemulihan akhlak yang ditubuhkan dibawah Seksyen 65 (1) Akta yang sama iaitu bagi

pemulihan dan jagaan bagi kanak-kanak yang terlibat dengan jenayah dan kanak-kanak yang tidak terkawal.

Hala tuju serta perancangan untuk menubuhkan lagi institusi pemulihan kanak-kanak Jabatan Kebajikan Masyarakat seperti Sekolah Tunas Bakti dan asrama akhlak adalah sepenuhnya di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM).

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(V)12**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR ITAM  
YB JOSEPH NG SOON SIANG**

12. Berapakah jumlah sasaran bagi golongan OKU yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam penglibatan sasaran pekerjaan pada tahun 2023?
  - (a) Selain itu, apakah usaha untuk membantu golongan tersebut bersaing secara sihat dalam pasaran kerja?

**YB LIM SIEW KHIM  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

12. Berdasarkan data dari Jabatan Perangkaan Malaysia, jumlah kumulatif orang kurang upaya yang berdaftar di negeri Pulau Pinang adalah sebanyak 38,467 orang. Sebanyak 337 OKU telah berjaya ditempatkan di MYFutureJobs dalam tempoh 2022.

Oleh itu, untuk tahun 2023, Jabatan Kebajikan Masyarakat amat menggalakkan OKU bersaing secara sihat dalam pasaran kerja melalui perkhidmatan Job Coach yang dilaksanakan oleh petugas Pertubuhan Pemulihan Dalam Komuniti (PPDK) kepada pelatih-pelatih PPDK yang berpotensi untuk bekerja di pasaran kerja terbuka. Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan sentiasa mencari pendekatan yang terbaik untuk meningkatkan golongan OKU yang mendapat pekerjaan.

- (a) Job Coach diwujudkan bagi membantu:-
  - (i) Penempatan pekerjaan bagi OKU;

- (ii) Bergabung maklumat mengenai kekosongan jawatan dengan pencari kerja (OKU);
- (iii) Membantu membina hubungan bersama majikan; dan
- (iv) Memastikan majikan mendapat OKU yang sesuai mengikut kekosongan jawatan yang ditawarkan.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(V)13**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR ITAM  
YB JOSEPH NG SOON SIANG**

13. Nyatakan jumlah pengunjung ke klinik kesihatan di Air Itam mengikut suku dari tahun 2021 hingga Disember 2023.
  - (a) Nyatakan jumlah program Kerajaan Negeri bersama dengan klinik-klinik di Air Itam.
  - (b) Apakah tindakan bagi mengatasi peningkatan bilangan pesakit di setiap klinik kesihatan yang melebihi kapasiti? Nyatakan klinik kesihatan yang terlibat.

**YB GOOI ZI SEN  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

13. Data kedatangan pesakit daripada Januari 2021 hingga Disember 2023 bagi klinik-klinik kesihatan di Air Itam iaitu Klinik Kesihatan Jalan Angsana dan Klinik Kesihatan Air Itam adalah seperti di **LAMPIRAN 1**.

Berdasarkan rekod tahun 2023, Klinik Kesihatan Jalan Angsana mempunyai data kedatangan pesakit purata sebanyak 1005 pesakit sehari manakala kedatangan pesakit bagi Klinik Kesihatan Air Itam adalah 440 pesakit sehari.

- (a) Menerusi perkhidmatan yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), kedua-dua klinik ini menjalankan perkhidmatan pesakit luar dan kesihatan ibu dan anak. Perkhidmatan lain adalah termasuk perkhidmatan perawatan dormisiliari dan perkhidmatan berhenti merokok.

Klinik Kesihatan Jalan Angsana juga melaksanakan perkhidmatan fisioterapi, terapi carakerja dan juga optometri. Program yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia seperti saringan Kesihatan (*National Health Screening Initiative*) dan Program Peka B40 turut dilaksanakan.

- (b) Bagi mengatasi peningkatan bilangan pesakit, klinik kesihatan telah menjalankan perkara berikut:
- (i) mengadakan sistem janji temu mengikut masa yang ditetapkan iaitu *staggered appointment system*
  - (ii) tempahan janji temu melalui aplikasi MySejahtera
  - (iii) perkhidmatan konsultasi secara maya (*virtual consultation*)

Selain daripada itu, Skim Perubatan Madani (SKM) yang diperkenalkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia diwujudkan bagi menampung keperluan kesihatan golongan B40 terhadap Penjagaan Kesihatan Primer Akut (Rawatan Sakit-sakit Ringan).

Penerima Sumbangan Tunai Rahmah (STR) dalam kalangan B40 boleh mendapatkan rawatan di klinik perubatan swasta (GP) yang berdaftar dibawah Skim Perubatan Madani.

Antara klinik perubatan swasta (GP) yang menawarkan Skim Perubatan Madani di kawasan Air Itam adalah seperti berikut:

- (i) Peoples Clinic, Jalan Pisang Berangan, Bandar Gelugor
- (ii) O2 Klinik, Jalan Air Itam
- (iii) Klinik Singapore, Jalan Thean Teik

LAMPIRAN 1

JUMLAH BEBAN KEDATANGAN BAGI KLINIK KESIHATAN AIR ITAM (KKAI) & KLINIK KESIHATAN JALAN ANGSANA (KKJA) BAGI TAHUN 2021 - 2023  
 (Semua kedatangan termasuk aktiviti luar & dalam)

TAHUN 2021 KLINIK	SUKE TAHUN PERTAMA			SUKE TAHUN KEDUA			SUKE TAHUN KETIGA			SUKE TAHUN KEEMPAT			JUMLAH	Purata Harian	Type KK
	JAN	FEB	MAR	APR	MAY	JUN	JUL	AUG	SEP	OCT	NOV	DEC			
Air Itam	7328	6440	7409	7778	7028	7581	7248	8343	7800	6746	7109	7590	88400	358	KK3
Jalan Angsana	16469	15027	17422	17929	14131	16852	15496	17063	16100	16501	16887	19711	199588	808	KK1
<hr/>															
TAHUN 2022 KLINIK	SUKE TAHUN PERTAMA			SUKE TAHUN KEDUA			SUKE TAHUN KETIGA			SUKE TAHUN KEEMPAT			JUMLAH	Purata Harian	Type KK
	JAN	FEB	MAR	APR	MAY	JUN	JUL	AUG	SEP	OCT	NOV	DEC			
Air Itam	7249	6668	7564	6657	7426	8051	7665	8098	8079	7888	7062	7029	89436	362	KK3
Jalan Angsana	17225	14643	16636	16468	16544	17644	17146	18170	16850	18466	18723	19662	208177	843	KK1
<hr/>															
TAHUN 2023 KLINIK	SUKE TAHUN PERTAMA			SUKE TAHUN KEDUA			SUKE TAHUN KETIGA			SUKE TAHUN KEEMPAT			JUMLAH	Purata Harian	Type KK
	JAN	FEB	MAR	APR	MAY	JUN	JUL	AUG	SEP	OCT	NOV	DEC			
Air Itam	7117	7494	8872	7040	9742	7729	14343	10634	9323	8792	9393	8164	108643	440	KK3
Jalan Angsana	19623	21496	25507	21587	21169	23355	22013	19592	17770	18505	19090	18557	248264	1005	KK1
<hr/>															

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(V)14**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR ITAM  
YB JOSEPH NG SOON SIANG**

14. Senaraikan semua *Government Linked Companies* (GLC) dan GLIC yang telah ditubuhkan setakat tahun 2023.
  - (a) Berapakah peruntukan perbelanjaan kos operasi, pengurusan dan pentadbiran bagi menguruskan GLC dan GLIC ini?
  - (b) Berapakah nilai pelaburan yang dibawa masuk oleh GLC dan GLIC ini kepada Kerajaan Negeri?

**JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI**

14. Sehingga akhir tahun 2023, terdapat sebanyak lima belas (15) Syarikat berkaitan Kerajaan Negeri (GLC) di bawah Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang (CMI) dan satu (1) di bawah Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri (SSI) yang ditubuhkan seperti di **LAMPIRAN A**.
  - (a) Peruntukan perbelanjaan kos operasi, pengurusan dan pentadbiran bagi menguruskan GLC dan GLIC adalah seperti di **LAMPIRAN B**.
  - (b) Nilai pelaburan yang dibawa masuk oleh GLC dan GLIC ini kepada Kerajaan Negeri adalah seperti di **LAMPIRAN C**.

**SENARAI GLC DI BAWAH CMI DAN SSI YANG DITUBUHKAN  
SETAKAT TAHUN 2023**

No.	Syarikat Berkaitan Kerajaan Negeri (GLC)
<b>CMI</b>	
1.	Penang Infrastructure Corporation Sdn. Bhd.
2.	Penang Women's Development Corporation (PWDC Sdn. Bhd.)
3.	Penang Science Cluster
4.	Penang Youth Development Corporation (PYDC Sdn. Bhd.)
5.	George Town World Heritage Incorporated
6.	Penang Tech Centre
7.	Penang Halal International Sdn. Bhd.
8.	Penang FC Sdn. Bhd.
9.	Digital Penang Sdn. Bhd.
10.	Penang Convention & Exhibition Bureau (PICEB Sdn. Bhd.)
11.	Penang Global Tourism Sdn. Bhd.
12.	Penang Harmony Corporation Sdn. Bhd. (HARMONICO)
13.	Penang STEM Sdn. Bhd.
14.	PGC Strategies Sdn. Bhd. (Penang Green Council)
15.	George Town Conservation Development Corporation Sdn. Bhd. (GTCDC)
<b>SSI</b>	
1.	Invest-in-Penang Berhad

## PERUNTUKAN PERBELANJAAN KOS OPERASI, PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN BAGI MENGURUSKAN GLC

Bil.	Nama GLC	Perkara	Tahun					
			2018 (RM)	2019 (RM)	2020 (RM)	2021 (RM)	2022 (RM)	2023 (RM)
1.	Penang Infrastructure Corporation Sdn. Bhd.	Peruntukan	-	-	5,135,350	8,736,495	7,695,710	Tiada
		Perbelanjaan kos operasi, pengurusan dan pentadbiran	-	-	268,290.87	1,268,865.18	2,363,810.88	3,208,968.51

Bil.	Nama GLC	Perkara	Tahun					
			2018 (RM)	2019 (RM)	2020 (RM)	2021 (RM)	2022 (RM)	2023 (RM)
2.	Penang Women's Development Corporation (PWDC Sdn. Bhd.)	Peruntukan	1,500,000	1,500,000	1,500,000	2,500,000	2,500,000	2,500,000
		Perbelanjaan kos operasi, pengurusan dan pentadbiran	1,354,101	1,500,869	1,534,790	1,578,392	1,916,861	2,010,510

Bil.	Nama GLC	Perkara	Tahun					
			2018 (RM)	2019 (RM)	2020 (RM)	2021 (RM)	2022 (RM)	2023 (RM)
3.	Penang Youth Development Corporation (PYDC Sdn. Bhd.)	Peruntukan	1,159,123	788,827	823,355	1,401,229	2,062,746	2,787,458
		Perbelanjaan kos operasi, pengurusan dan pentadbiran	1,881,345	904,105	885,546	1,401,229	2,349,989	2,730,710

Bil.	Nama GLC	Perkara	Tahun					
			2018 (RM)	2019 (RM)	2020 (RM)	2021 (RM)	2022 (RM)	2023 (RM)
4.	George Town World Heritage Incorporated	Peruntukan	8,200,000	6,200,000	4,300,000	5,200,000	5,200,000	5,200,000
		Perbelanjaan kos operasi, pengurusan dan pentadbiran	2,700,000	2,700,000	3,000,000	3,200,000	3,200,000	3,200,000

Bil.	Nama GLC	Perkara	Tahun					
			2018 (RM)	2019 (RM)	2020 (RM)	2021 (RM)	2022 (RM)	2023 (RM)
5.	Penang Tech Centre	Peruntukan	600,000	450,000	650,000	750,000	850,000	850,000
		Perbelanjaan kos operasi, pengurusan dan pentadbiran	2,935,317.00	4,170,554.00	2,422,736.00	1,882,285.00	3,007,689.99	4,026,064.23

Bil.	Nama GLC	Perkara	Tahun					
			2018 (RM)	2019 (RM)	2020 (RM)	2021 (RM)	2022 (RM)	2023 (RM)
6.	PGC Strategies Sdn. Bhd. (Penang Green Council)	Peruntukan	1,500,000	1,500,000	500,000	1,500,000	1,500,000	2,000,000
		Perbelanjaan kos operasi, pengurusan dan pentadbiran	1,883,114	2,122,092	1,580,953	1,700,678	1,849,927	2,071,308

Bil.	Nama GLC	Perkara	Tahun					
			2018 (RM)	2019 (RM)	2020 (RM)	2021 (RM)	2022 (RM)	2023 (RM)
7.	Penang Halal International Sdn. Bhd.	Peruntukan	1,000,000	1,000,000	1,000,000	1,500,000	1,500,000	1,500,000
		Perbelanjaan kos operasi, pengurusan dan pentadbiran	1,521,039	917,541	863,223	810,116	2,035,775	1,618,119

Bil.	Nama GLC	Perkara	Tahun					
			2018 (RM)	2019 (RM)	2020 (RM)	2021 (RM)	2022 (RM)	2023 (RM)
8.	Penang Convention & Exhibition Bureau (PICEB Sdn. Bhd.)	Peruntukan	4,890,868	7,143,945	1,600,000	2,973,114	5,683,418	5,747,863
		Perbelanjaan kos operasi, pengurusan dan pentadbiran	4,318,272	6,681,847	3,634,726	3,061,654	5,963,700	7,096,479

Bil.	Nama GLC	Perkara	Tahun					
			2018 (RM)	2019 (RM)	2020 (RM)	2021 (RM)	2022 (RM)	2023 (RM)
9.	Penang Global Tourism Sdn. Bhd.	Peruntukan	16,469,900	16,542,290	11,738,425	6,510,415	9,436,150	10,582,563
		Perbelanjaan kos operasi, pengurusan dan pentadbiran	13,882,060	17,051,984	9,229,041	6,208,105	9,562,262	11,179,112

Bil.	Nama GLC	Perkara	Tahun					
			2018 (RM)	2019 (RM)	2020 (RM)	2021 (RM)	2022 (RM)	2023 (RM)
10	Penang Harmony Corporation Sdn. Bhd. (HARMONICO)	Peruntukan	-	-	-	537,867.78	1,153,517.20	1,461,336.82
		Perbelanjaan kos operasi, pengurusan dan pentadbiran	-	-	-	392,168.46	1,276,505.50	1,321,779.00

Bil.	Nama GLC	Perkara	Tahun					
			2018 (RM)	2019 (RM)	2020 (RM)	2021 (RM)	2022 (RM)	2023 (RM)
11.	Penang STEM Sdn. Bhd.	Peruntukan	505,000	500,000	560,000	410,000	630,000	650,000
		Perbelanjaan kos operasi, pengurusan dan pentadbiran	413,979	534,950	567,647	608,944	625,767	735,223

Bil.	Nama GLC	Perkara	Tahun					
			2018 (RM)	2019 (RM)	2020 (RM)	2021 (RM)	2022 (RM)	2023 (RM)
12.	Invest-in-Penang Berhad	Peruntukan	4,000,000	4,820,000	2,000,000	3,600,000	3,500,000	3,500,000
		Perbelanjaan kos operasi, pengurusan dan pentadbiran	3,600,000	3,900,000	2,700,000	3,300,000	3,300,000	3,800,000

Bil.	Nama GLC	Perkara	Tahun					
			2018 (RM)	2019 (RM)	2020 (RM)	2021 (RM)	2022 (RM)	2023 (RM)
13.	Penang FC Sdn. Bhd.	Peruntukan	-	-	-	8,855,026.30	11,000,000.00	13,700,000.00
		Perbelanjaan kos operasi, pengurusan dan pentadbiran				10,209,111 1,964,523 Jumlah 12,173,1634	13,071,515 2,112,451 Jumlah 15,183,966	13,340,998 2,119,394 Jumlah 15,460,392

Bil.	Nama GLC	Perkara	Tahun					
			2018 (RM)	2019 (RM)	2020 (RM)	2021 (RM)	2022 (RM)	2023 (RM)
14.	Digital Penang Sdn. Bhd.	Peruntukan	-	-	1) Geran Utama: 500,000 2) Geran Khas: 367,800 Jumlah 867,800	1) Geran utama: 2,100,000 2) Geran Khas: 370,294 Jumlah 2,470,294	1) Geran Utama: 3,850,000 2) Geran Khas 89,634 Jumlah 3,939,634	1) Geran Utama: 4,500,000 2) Geran Khas: 400,000 Jumlah 4,900,000

		Perbelanjaan kos operasi, pengurusan dan pentadbiran	-	-	739,932	2,466,792	2,853,508	4,273,406
--	--	--	---	---	---------	-----------	-----------	-----------

Bil.	Nama GLC	Perkara	Tahun					
			2018 (RM)	2019 (RM)	2020 (RM)	2021 (RM)	2022 (RM)	2023 (RM)
15.	Penang Science Cluster	Peruntukan	1,514,296	993,408	3,300,000	356,898	801,900	1,264,781
		Perbelanjaan program dan kos operasi	1,514,296	993,408	3,300,000	356,898	791,900	1,005,781

**NILAI PELABURAN YANG DIBAWA MASUK OLEH GLC KEPADA KERAJAAN NEGERI**

No.	Syarikat GLC	TAHUN					
		2018 (RM)	2019 (RM)	2020 (RM)	2021 (RM)	2022 (RM)	2023 (RM)
1.	Penang Convention & Exhibition Bureau (PICEB Sdn. Bhd.)	1.3 Bil	1.5 Bil	66 Juta	14 Juta	376 Juta	1.03 Bil
2.	Invest-in-Penang Berhad	5.8 Bil	16.9 Bil	14.1 Bil	76.2 Bil	13.7 Bil	63.4 Bil

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(V)15**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR ITAM  
YB JOSEPH NG SOON SIANG**

15. Nyatakan jumlah kes aduan mengenai kacau ganggu yang melibatkan kebersihan dan keselamatan akibat rumah atau bangunan terbiar di setiap daerah dari tahun 2018 ke tahun 2023.

**YB H'NG MOOI LYE  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

15. Jumlah kes aduan mengenai kacau ganggu yang melibatkan kebersihan dan keselamatan akibat rumah atau bangunan terbiar di setiap daerah dari tahun 2018 sehingga tahun 2023 adalah sebanyak 4,722 kes. Perincian mengikut daerah dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

**LAMPIRAN A****MBPP**

<b>TAHUN</b>	<b>BILANGAN MENGIKUT DAERAH</b>		<b>BILANGAN KESELURUHAN</b>
2018	Daerah Timur Laut	337	599
	Daerah Barat Daya	262	
2019	Daerah Timur Laut	311	649
	Daerah Barat	338	
2020	Daerah Timur Laut	404	780
	Daerah Barat	376	
2021	Daerah Timur Laut	336	677
	Daerah Barat Daya	341	
2022	Daerah Timur Laut	347	591
	Daerah Barat Daya	244	
2023	Daerah Timur Laut	419	722
	Daerah Barat Daya	303	
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>			<b>4018</b>

**MBSP**

<b>TAHUN</b>	<b>BILANGAN MENGIKUT DAERAH</b>		<b>BILANGAN KESELURUHAN</b>
2018	Seberang Perai Utara	40	145
	Seberang Perai Tengah	68	
	Seberang Perai Selatan	37	
2019	Seberang Perai Utara	31	142
	Seberang Perai Tengah	45	
	Seberang Perai Selatan	66	
2020	Seberang Perai Utara	12	64
	Seberang Perai Tengah	31	
	Seberang Perai Selatan	21	
2021	Seberang Perai Utara	12	80
	Seberang Perai Tengah	43	
	Seberang Perai Selatan	25	
2022	Seberang Perai Utara	21	100
	Seberang Perai Tengah	53	
	Seberang Perai Selatan	26	
2023	Seberang Perai Utara	59	173
	Seberang Perai Tengah	78	
	Seberang Perai Selatan	36	
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>			<b>704</b>



**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(V)16**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR ITAM  
YB JOSEPH NG SOON SIANG**

16. Nyatakan nama-nama kapal persiaran yang telah berlabuh di Pelabuhan Pulau Pinang sejak Ogos 2023 dan yang akan tiba pada tahun 2024.
- (a) Di antaranya yang mana adalah pertama kali (maiden call)?
- (b) Apakah cabaran Pulau Pinang sebagai home port kepada kapal persiaran pelancongan?

**YB WONG HON WAI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

16. Kapal persiaran yang telah berlabuh di Pelabuhan Pulau Pinang sejak Ogos 2023 dan yang akan tiba pada tahun 2024 adalah seperti berikut Jadual 1.

JADUAL 1: Kapal Persiaran Yang Berlabuh di Pelabuhan Pulau Pinang

Bil	Nama Kapal Persiaran
1	Spectrum of The Seas
2	Genting Dream
3	Crystal Symphony
4	World Navigator
5	Spectrum of The Seas
6	World Odyssey
7	Aida Bella
8	Celebrity Millenium

9	Marella Discovery 2
10	Westerdam
11	Norwegian Jewel
12	Mein Schiff 5
13	Seven Seas Navigator
14	Nautica
15	Diamond Princess
16	Costa Serena
17	Ms. Riviera
18	Viking Sky
19	Pacific World
20	Viking Neptune
21	Seven Seas Mariner
22	Queen Mary 2
23	Costa Deliziosa
24	Insignia
25	Serenade of The Sea
26	The World

- (a) Kapal-kapal yang pertama kali berlabuh adalah Viking Sky, Pacific World, Costa Deliziosa dan Serenade of The Sea.
- (b) Cabaran Pulau Pinang sebagai '*home port*' untuk kapal persiaran pelancongan adalah:

(i) Keperluan Infrastruktur:

Pelabuhan memerlukan infrastruktur yang lebih besar untuk mengendalikan kapal persiaran yang besar, termasuk dok air dalam, kemudahan terminal termaju, sistem imigresen dan rangkaian pengangkutan yang cekap untuk menampung beribu-ribu penumpang dan pengendalian bagasi mereka. Dermaga Swettenham perlu dinaiktaraf bagi menampung keperluan infrastruktur yang lebih besar ini.

(ii) Kesan Alam Sekitar:

Adalah kritikal untuk menguruskan kesan alam sekitar dari kapal persiaran seperti pencemaran udara dan air, pengurusan sisa, dan perlindungan ekosistem marin.

(iii) Kos Ekonomi:

Pelaburan kewangan yang besar diperlukan untuk membina dan menyelenggara kemudahan pelabuhan. Selain itu, terdapat kos berterusan yang berkaitan dengan keselamatan, kastam dan perkhidmatan penumpang.

(iv) Pengalaman Penumpang:

Memastikan pengalaman yang lancar dan menyenangkan untuk penumpang melibatkan proses daftar masuk dan menaiki kapal yang cekap, kawasan menunggu yang lebih luas serta selesa serta pemindahan yang cepat dan selamat ke dan dari pelabuhan.

(v) Kesesakan Lalu Lintas:

Pengendalian kemasukan penumpang dan anak kapal perlu kawasan yang lebih luas serta sistem pengangkutan tempatan yang cekap. serta infrastruktur jalan raya dan transit awam yang lebih baik.

(vi) Keselamatan

Pelabuhan perlu melaksanakan langkah keselamatan yang lebih ketat untuk melindungi daripada potensi ancaman, memerlukan penyelarasian dengan pelbagai agensi penguatkuasaan undang-undang dan keselamatan.

Bagi menangani cabaran-cabaran ini, komitmen serta peruntukan kewangan serta tambahan ruang, tenaga kerja yang mencukupi, sistem yang lebih cekap serta penyelarasian bersepadu antara agensi-agensi merupakan faktor-faktor kritikal.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(V)17**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR ITAM  
YB JOSEPH NG SOON SIANG**

17. Skim PEKA 2.0 merupakan pinjaman tanpa faedah dan telah diperkenalkan kepada pemain-pemain sektor pelancongan sewaktu pemulihan industri pelancongan ketika pandemik.
- (a) Nyatakan jumlah pemohon yang telah berjaya memohon untuk skim faedah sifar ini.
  - (b) Setakat ini, berapakah jumlah peminjam yang telah selesai membuat bayaran balik ke atas pinjaman tersebut?

**YB WONG HON WAI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

17. (a) Sejumlah 119 permohonan telah diluluskan untuk Skim PEKA 2.0.
- (b) Setakat Mei 2024, sejumlah 35 peminjam telah menjelaskan pinjaman mereka.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(V)18**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR ITAM  
YB JOSEPH NG SOON SIANG**

18. Selain sukan teras, apakah rancangan untuk pembangunan sukan-sukan lain yang tidak disenarai dalam kategori ini?
  - (a) Bagaimanakah cara dan langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri dalam memastikan kebajikan atlet sukan ini terjaga?

**YB GOOI ZI SEN  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

18. Pekeliling Pesuruhjaya Sukan Bil. 1 Tahun 2023, Perintah Pembangunan Sukan (Pindaan Jadual Pertama 2023 Akta Pembangunan Sukan 1997 [Akta 576]) telah menyenaraikan sebanyak 103 jenis sukan yang diiktiraf sebagai sukan-sukan baharu yang akan diberi perhatian bagi merancakkan serta meraikan lebih banyak bakat baharu di Malaysia berbanding 51 sukan sebelum ini.
  - (a) Kerajaan Negeri melalui agensi penggerak sukan negeri yang terdiri dari Jabatan Belia dan Sukan Negeri Pulau Pinang (Sukan Komuniti) dan Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (Sukan Berprestasi Tinggi Negeri) sentiasa bersedia untuk menyalurkan bantuan dan nasihat kepada semua penggerak-penggerak sukan negeri. Penggerak sukan ini terdiri daripada Persatuan Sukan Negeri, kelab sukan persendirian, awam atau orang perseorangan yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam membangunkan sukan-sukan yang tersenarai agar terus mempertingkatkan kesedaran dan penyertaan masyarakat dalam program dan aktiviti sukan buat semua yang berkecimpung dengannya.

Antara insentif-insentif kebajikan lain yang ditawarkan kepada atlet-atlet sukan negeri ini adalah seperti berikut:-

- (i) Pembayaran elaun latihan atlet SUKMA dan elaun latihan atlet elit;
- (ii) Skim Kemenangan Sukan Kerajaan Negeri Pulau Pinang (SKIMAS);
- (iii) Skim Sukan Awam Penang2030;
- (iv) Skim Token Wang Saku Atlet Kebangsaan; dan
- (v) *Penang Athlete Career Education* (Skim Kebajikan dalam Pelajaran, Kerjaya dan Perubatan Atlet-Atlet SUKMA Negeri).

Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang turut menawarkan pelbagai bantuan kewangan dari segi bantuan rawatan perubatan, insurans kesihatan dan khidmat bantuan kerjaya pekerjaan kepada atlet-atlet yang memerlukannya.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(V)19**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR ITAM  
YB JOSEPH NG SOON SIANG**

19. Apakah langkah Kerajaan Negeri untuk memperkasa industri rekaan cip mikro di negeri Pulau Pinang bersama pihak MNC?
  - (a) Nyatakan jumlah dana yang bakal atau telah disalurkan untuk tujuan tersebut dan sejauh mana penglibatan pihak MNC terlibat secara langsung dalam hala tuju ini?

**YB JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

19. Berikut merupakan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk memperkasakan industri rekaan cip mikro bersama pihak syarikat multinasional (MNC) di Negeri Pulau Pinang:
  - (i) Memantapkan khidmat *hand holding programme* dengan memastikan kesenangan menjalankan perniagaan (*ease of doing business*) di Pulau Pinang kekal tinggi berbanding dengan negeri-negeri lain. Hal ini termasuk membantu para pelabur sedia ada dalam mencari lokasi pilihan mereka bagi mengembangkan operasi dan menghubungkan para pelabur dengan agensi Negeri/Persekutuan dalam aspek pemberian insentif, bantuan permohonan visa ekspatriat, pengambilan pekerja baharu dan sebagainya.
  - (ii) Menyediakan rancangan strategik untuk menarik bakat baharu dan mengekalkan bakat sedia ada dalam *I/C Design* melalui kerjasama dengan institusi latihan dan juga institusi pengajian tinggi di samping membimbing graduan ke arah laluan kerjaya yang tepat.

- (iii) Menganjurkan misi pelaburan ke luar negara khusus untuk mengadakan pertemuan dengan pelabur-pelabur sedia ada bagi membincangkan pelan untuk mengembangkan operasi mereka di Pulau Pinang. Antara negara-negara yang bakal diberikan tumpuan dalam misi pelaburan ini adalah negara Amerika Syarikat, Taiwan, Singapura dan Eropah.
- (iv) Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) dan InvestPenang telah mengumumkan pelan untuk mewujudkan '*Penang IC Design and Digital Park*' di Taman Perindustrian Bayan Lepas. Projek seluas 42.5 hektar itu terdiri daripada dua (2) fasa dan menawarkan sejumlah sejuta kaki persegi ruang pejabat premium untuk menarik dan menempatkan projek berimpak tinggi merangkumi reka bentuk litar bersepadu (IC Design), penyelidikan dan pembangunan (R&D), perkhidmatan perniagaan global (GBS), pelaburan teknologi digital dan ekosistem ekonomi kitaran. Antara perancangan yang akan dilaksanakan adalah seperti berikut:
- Pembangunan fasa pertama sedang dijalankan dan dijangka siap pada suku keempat tahun 2024. Ia merangkumi dua (2) bangunan pejabat iaitu *GBS By The Sea* dan *GBS TechSpace* seluas 350,000 kaki persegi dengan pelaburan sebanyak RM347.0 juta.
  - Pembangunan fasa kedua pula melibatkan pembinaan *GBS TechnoPlex* yang akan menyediakan ruang pejabat bersaiz 500,000 kaki persegi dengan kos pembinaan sebanyak RM308.0 juta. Projek ini dijangka siap menjelang tahun 2027.
  - Memastikan keperluan prasarana adalah sesuai untuk para pelabur. Hal ini termasuk memastikan bangunan yang disediakan itu mempunyai kemudahan infrastruktur dari segi pembekalan elektrik dan komunikasi seperti *broadband* yang kompetitif, ruang lantai yang sesuai bagi menjalankan aktiviti berkaitan dan persekitaran perniagaan yang kondusif untuk bangunan berstatus *Malaysia Digital*.

- Memperkenalkan kadar sewa bersubsidi untuk ruang pejabat milik PDC khususnya kepada pemain industri tempatan.
- Menyediakan insentif dan geran bagi meningkatkan ekosistem IC dan Digital. Inisiatif ini akan dimasukkan dalam pakej insentif lengkap yang akan diumumkan kemudian.
- Mewujudkan syarikat pemula teknologi tempatan bagi mengasah kemahiran dalam sektor *IC Design* serta bidang penyelidikan dan pembangunan.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(V)20**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR ITAM  
YB JOSEPH NG SOON SIANG**

20. Sasaran Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD) adalah untuk membangunkan 470 menara 5G di Pulau Pinang.
- (a) Nyatakan bilangan yang telah siap dibina setakat ini.
  - (b) Hasrat KKD untuk membangunkan lebih kurang 38 PEDi (Pusat Ekonomi Digital) di Pulau Pinang pada tahun 2024, berapakah PEDi yang telah dibangunkan dan telah beroperasi?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

20. Sasaran terkini Kementerian Digital Malaysia (KDM) melalui pelaksana iaitu Digital Nasional Berhad (DNB) adalah sebanyak 449 buah stesen pemancar 5G di seluruh negeri Pulau Pinang.
- (a) Setakat bulan April 2024, sebanyak 414 buah stesen pemancar 5G telah disiapkan dan beroperasi meliputi sebanyak 90.8% liputan 5G di kawasan berpenduduk.
  - (b) YAB Perdana Menteri telah mengumumkan sebanyak 38 buah Pusat Sebaran Maklumat Nasional (NADI) tambahan di Pulau Pinang yang dahulunya dikenali sebagai Pusat Ekonomi Digital (PEDi) pada 16 Februari 2024 yang lalu. Pada ketika ini, sebanyak tiga (3) buah NADI telah beroperasi di Pulau Pinang iaitu di Sungai Pinang, Tasek Gelugor dan Taman Prestige. Kesemua 38 buah NADI yang terlibat sedang giat dalam proses pelaksanaan di tapak dan dijangka siap dan beroperasi seawal bulan Jun 2024.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(V)21**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR ITAM  
YB JOSEPH NG SOON SIANG**

21. Isu rumah ibadat di kawasan perumahan, adakah MBPP atau MBSP membenarkan rumah ibadat baru dibina di kawasan perumahan?
- (a) Jika dibenarkan, apakah syarat yang ditetapkan?
  - (b) Jika tidak, apakah tindakan yang diambil oleh pihak berkuasa terhadap aduan yang diterima?
  - (c) Apakah rancangan oleh kerajaan untuk mengatasi isu kekurangan tempat RIBI?

**YB LIM SIEW KHIM  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

21. Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) dan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) buat masa ini membenarkan rumah ibadat baharu dibina di kawasan perumahan tertakluk kepada Garis Panduan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), kelulusan Kebenaran Merancang dan Pelan Bangunan.
- (a) Syarat yang ditetapkan oleh PBT bagi pembinaan rumah ibadat di kawasan perumahan adalah seperti di bawah:

PBT	Syarat
MBSP	MBSP mengguna pakai piawaian semasa iaitu 0.1 meter persegi / individu atau 0.39 meter persegi / unit kediaman untuk memastikan tempat Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) adalah disediakan mengikut keperluan pembangunan.

MBPP	<p><b>(i) Kesesuaian Tapak Fizikal</b></p> <p>Lokasi dan keluasan tapak yang disediakan hendaklah bersesuaian mengikut keperluan. Keluasan tapak hendaklah menampung bangunan rumah ibadat yang munasabah dengan saiz ruang lantai minima 10 mp dengan anjakan dari sempadan plot atau dari bangunan-bangunan terdekat yang diperlukan mengikut piawaian perancangan dan undang- undang kecil sedia ada.</p> <p><b>(ii) Penyerahan Tapak Fizikal</b></p> <p>Tapak-tapak fizikal perlu diserahkan kepada MBPP dengan harga namaan RM1.00 bagi satu plot. Sebarang permintaan untuk memiliki tapak tersebut oleh mana-mana pertubuhan akan dirujuk kepada Jawatankuasa Penyelaras Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI).</p> <p><b>(iii) Tabung Sumbangan Kewangan</b></p> <p>Jika pada pendapat MBPP kelulusan tapak tidak dapat disediakan dengan memuaskan dan tidak boleh diterima, pemohon boleh menawarkan sumbangan kewangan sebagai ganti mengikut kadar dan zon di dalam garis panduan induk tawaran sumbangan kewangan sebagai ganti tapak ibadat bukan Islam secara fizikal akan dimasukkan ke dalam tabung khas MBPP untuk tapak ibadat bukan Islam.</p>
------	--

- (b) Tindakan yang diambil oleh pihak berkuasa terhadap aduan yang diterima adalah seperti berikut:
- (i) Semakan status kelulusan bangunan Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI);
  - (ii) Sekiranya tiada kelulusan atau melenceng dari kelulusan, tindakan penguatkuasaan akan diambil di bawah Akta-akta yang berkaitan;

- (iii) Membawa kes RIBI ke Jawatankuasa Penyelarasan Tapak-tapak RIBI untuk perbincangan dan keputusan sekiranya arahan notis tidak dipatuhi;
- (iv) Mengambil tindakan sewajarnya berdasarkan keputusan Jawatankuasa Penyelarasan Tapak-tapak RIBI; dan
- (v) Bagi mengatasi isu kekurangan tempat RIBI, Kerajaan Negeri / PBT mempunyai dasar yang mensyaratkan setiap pemajuan yang dibangunkan perlu mematuhi keperluan penyediaan kemudahan masyarakat termasuk RIBI. Kerajaan Negeri dalam usaha bagi mengatasi isu kekurangan tapak RIBI dengan pindaan terhadap fungsi tabung amanah RIBI bagi menyediakan tapak RIBI sama rata mengikut populasi semasa.